



Headline: Pesara hilang RM13,800 ditipu 'pegawai polis'
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 23 December 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 41

Pesara hilang RM13,800 ditipu 'pegawai polis'

Taiping: Seorang pesara wanita kerugian RM13,800 selepas ditipu 'pegawai polis' sindiket Macau Scam, dalam kejadian baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Taiping, Asisten Komisioner Osman Mamat, berkata mangsa wanita berusia 58 tahun itu menerima panggilan di rumahnya di sini pada 10 pagi, 16 Disember lalu daripada seorang wanita yang memperkenalkan diri sebagai 'Waty' dan mendakwa bekerja sebagai pegawai polis.

"Suspek meminta mangsa membuat pembaharuan kad mesin juruwang automatik (ATM) Bank Rakyat dan mengemas kini nombor telefon menggunakan nombor telefon suspek," katanya.


Beliau berkata, pengadu pergi ke Bank Rakyat di bandar Taiping dan mendaftar perbankan internet bagi akaun Bank Rakyatnya selain mengemas kini nombor telefon bagi akaun bank terbabit kepada nombor telefon pegawai polis itu.

Katanya, mangsa menyedari menjadi mangsa penipuan Macau Scam selepas pergi ke pejabat Tabung Haji pada Khamis lepas untuk menyimpan wang namun mendapati wang dalam akaun Tabung Hajinya berkurangan RM10,000.

"Mangsa kemudian membuat semakan penyata daripada akaun Bank Rakyat mendapati berlaku pindahan wang berjumlah RM13,800 pada hari Rabu lepas ke dalam akaun yang belum dikenal pasti," katanya.

Osman berkata, mangsa membuat laporan polis dan pihaknya sedang menjalankan siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan untuk mengesan akaun suspek yang menerima pindahan wang daripada akaun mangsa.

BERNAMA

 **Mangsa sedari jadi mangsa penipuan Macau Scam selepas pergi ke pejabat Tabung Haji pada Khamis lepas untuk menyimpan wang namun mendapati wang dalam akaun Tabung Hajinya berkurangan RM10,000.**

Osman Mamat,
Ketua Polis Daerah Taiping